

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 12 MAC 2015

RUJUKAN : 7505

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah nilai pampasan yang dibayar kepada pihak Militan Filipina dalam beberapa kes penculikan yang berlaku di kawasan perairan Sabah sepanjang tahun 2013 dan 2014 dan siapa yang menanggung bayaran berkenaan.

40

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes penculikan merupakan satu isu kompleks yang memerlukan penglibatan semua pihak untuk mengekang jenayah ini dari terus berlaku. Kejadian culik bukan sahaja menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan keluarga, ianya juga boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat dan memberi kesan kepada maruah negara apabila melibatkan penculikan kepada warga asing yang melancong atau menetap di negara ini. Pihak Kementerian bersama pihak PDRM sentiasa memberi perhatian yang khusus untuk mengendalikan kes penculikan secara serius dengan mewujudkan cawangan dan operasi khas (*ops Scorpions*) untuk menyelesaikan sebarang kes penculikan yang berlaku di dalam negara.

Statistik kes penculikan untuk tebusan yang berlaku di negeri Sabah bagi tahun 2013 sebanyak 1 kes dan pada tahun 2014 sebanyak 4 kes. Pihak Kerajaan tidak pernah membayar sebarang wang tebusan kepada pihak Miliran Filipina bagi membebaskan mereka yang diculik oleh puak militan berkenaan. Pihak PDRM juga tidak didedahkan sebarang maklumat mengenai proses rundingan dan jumlah pampasan yang dibayar kepada pihak militan oleh keluarga atau pihak lain dalam semua

urusan pembebasan tebusan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.